

## BAB 7

### PENUTUP

Bab ini merupakan bab penutup, yang akan membuat kesimpulan yang menyeluruh tentang kajian yang dijalankan. Melalui huraian dan perbincangan dalam bab-bab yang lalu menunjukkan sikap pelajar terhadap bahasa Melayu amat positif. Bahasa Melayu khususnya dialek Melayu Patani digunakan oleh pelajar dalam pertuturan harian dalam domain kekeluargaan, kejranaan, persahabatan dan keagamaan. Dalam domain pentadbiran dan pengurusan bahasa Melayu didapati hampir tidak digunakan. Dalam domain jual beli, walaupun bahasa Melayu kurang digunakan, namun bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai menjadi pilihan kedua terbanyak.

Agama merupakan angkubah yang mempengaruhi sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya di kalangan pelajar. Dari aspek sikap, walaupun semua pelajar bersikap positif terhadap bahasa Melayu, namun agama didapati mempengaruhi sikap. Pelajar yang beragama Islam bersikap amat positif berbanding dengan pelajar yang beragama Buddha. Bagi pelajar yang beragama Islam motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu berorientasi instrumental, integratif dan identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang. Bagi responden yang beragama Buddha pula, motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu bersifat instrumental.

Angkubah agama ini juga mempengaruhi penggunaan bahasa pelajar. Bahasa Melayu digunakan dalam hampir kesemua domain oleh pelajar yang beragama Islam. Namun bagi pelajar yang beragama Buddha, bahasa Melayu tidak digunakan dalam mana-mana domain.

Melalui analisis domain perlakuan bahasa, disimpulkan di sini sifat dwibahasa di kalangan pelajar telah mempengaruhi penggunaan bahasa. Bahasa yang sering digunakan oleh pelajar adalah bahasa Thai dalam konteks yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan. Bahasa Melayu digunakan oleh majoriti pelajar dalam konteks kekeluargaan, kejiwaan, persahabatan dan keagamaan. Dalam konteks jual beli, kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Thai digunakan. Sifat dwibahasa di kalangan pelajar ini juga telah menyebabkan timbulnya gejala percampuran kod. Pelajar biasanya melakukan penyesuaian dalam pertuturan mereka. Interlokutor didapati merupakan faktor utama yang mempengaruhi penggunaan bahasa pelajar. Melalui bentuk penggunaan bahasa pelajar ini juga dapat dikesan gejala diglosia.

Sikap terhadap bahasa Melayu mempunyai perkaitan dengan penggunaannya dengan dipengaruhi oleh faktor agama dan fungsi bahasa tersebut. Bagi pelajar yang beragama Buddha, walaupun mereka bersikap positif terhadap bahasa Melayu, namun mereka tidak menggunakannya dalam pertuturan harian atau dalam sebarang domain. Mereka bersikap positif kerana motivasi

instrumental, iaitu bahasa Melayu bersinonim dengan negara jiran mereka Malaysia. Pengetahuan bahasa Melayu dianggap membolehkan mereka mendapat peluang pekerjaan di Malaysia atau sebagai satu kelebihan untuk mendapat pekerjaan di wilayah yang bersempadan dengan Malaysia. Bagi pelajar yang beragama Islam, mereka bersikap positif terhadap bahasa Melayu dan bahasa ini memang digunakan dalam pertuturan harian. Pengetahuan bahasa Melayu dianggap membolehkan mereka mendapat peluang pekerjaan dan peluang melanjutkan pendidikan ke kolej/universiti di Malaysia, di samping bahasa ini mempunyai fungsi istimewa di kalangan masyarakat Thai Muslim. Ini disebabkan bahasa Melayu penting dalam urusan agama Islam, terutamanya di empat wilayah iaitu Patani, Yala, Narathiwat dan Satun.

Dasar bahasa negara ini menetapkan hanya bahasa Thai sahaja yang menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Oleh itu, bahasa Thai digunakan sebagai bahasa pengantar pendidikan dari peringkat awal persekolahan sehinggalah ke peringkat universiti. Bahasa Thai menjadi lambang kedaulatan bangsa dan negara. Berbagai-bagai kementerian dan agensi memainkan peranan dalam membuat rumusan dasar bahasa, perancangan bahasa dan perlaksanaannya, termasuklah Kementerian Pendidikan, Biro Hal Ehwal Universiti dan Majlis Pendidikan Kebangsaan. Bahasa Thai merupakan elemen penting dalam integrasi dan asimilasi kaum minoriti negara ini.

Thai Muslim merupakan rakyat Thai yang beragama Islam dan berasal daripada keturunan Melayu. Majoriti Thai Muslim merupakan penduduk di kawasan selatan atau sempadan Malaysia. Dari segi sejarah, masyarakat ini asalnya mempunyai kerajaan sendiri yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengurusan, pentadiran, pendidikan dan segala urusan kehidupan. Sejak hampir seratus tahun yang lalu, wilayah Melayu ini telah menjadi sebahagian daripada negara Thai melalui Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Sejak dari tarikh itu, masyarakat Melayu Thai ini menjadi sebahagian daripada bangsa Thai dan merupakan komuniti minoriti negara itu.

Bagi tujuan integrasi dan asimilasi, kerajaan negara Thai telah membuat dasar yang mewajibkan masyarakat Thai menguasai bahasa Thai sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara dan bahasa untuk pendidikan. Apabila bahasa Thai menjadi bahasa pendidikan di kalangan Thai Muslim ini, maka secara tidak langsung bahasa ini menjadi alat kepada mereka untuk memajukan diri melalui pendidikan dan peluang pekerjaan. Bahasa Melayu yang merupakan bahasa ibunda asal mereka hanya menjadi bahasa yang melambangkan identiti mereka sebagai Thai Muslim dan hanya penting dalam urusan yang berkaitan dengan agama dan cara hidup sahaja. Maka dengan itu juga jelaslah bagaimana timbulnya gejala diglosia dalam komuniti pelajar dalam kajian ini yang majoritinya terdiri dari Thai Muslim.

Dasar bahasa negara ini jelas mempunyai perkaitan dengan sikap dan penggunaan bahasa di kalangan pelajar. Latar belakang sejarah wilayah-wilayah Selatan Thai yang asalnya merupakan kerajaan Melayu menyebabkan sehingga kini bahasa Melayu tetap menjadi bahasa penting di kalangan masyarakat Thai Muslim.

Dari segi penggunaan bahasa di kalangan pelajar, disimpulkan di sini, gejala percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai semakin meningkat apabila berhubung dengan interlokutor yang berumur enam puluh ke bawah. Sebaliknya penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya, semakin berkurang apabila berhubung dengan responden yang berumur dua puluhan dan ke bawah. Penggunaan bahasa Thai juga meningkat, manakala penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya semakin berkurangan, walaupun pada masa masa yang sama bahasa Melayu ini dianggap sebagai identiti bagi Thai Muslim. Keadaan ini menunjukkan berlakunya pergeseran dan peralihan kod di kalangan masyarakat Thai Muslim.

Kajian ini, walaupun hanya bertumpu kepada sikap dan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar sahaja, secara tidak langsung dapat menggambarkan kedudukan bahasa Melayu di kawasan bangsa Melayu di Selatan Thai, yakni di kalangan Thai Muslim. Dapatan kajian ini juga menjelaskan bahawa dasar bahasa memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada sesuatu bahasa itu akan terus digunakan atau dipinggirkan.